

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (11)

10 Februari 2025
11 Sya'ban 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 9/2025 BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025

Dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2025 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2025 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai lantikan kontrak melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 27 Januari 2025 dengan nombor rujukan JPA.800-3/2/4 (47) mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2025.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Lembaga Pengarah Universiti pada 7 Februari 2025 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Gred 15 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM500.00. Pemberian BKK ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang telah dilantik dan masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* atau *Contract for Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh Universiti.

4. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar pada 25 Februari 2025. Sehubungan dengan itu, semua warga Universiti dimohon mengambil maklum berkaitan Bantuan Khas Kewangan bagi Tahun 2025.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ZAIRE'S BIN MD DARIS)
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah